

Hormati Ibu Bapa



 Kenal pasti tutur kata yang sopan terhadap ibu dan bapa. Lakonkan.

Selamat tinggal,
ibu.

Ayah, jangan
ganggu saya!

Selamat pagi,
mama.

Terima kasih,
ayah.

Maafkan saya,
ibu.

Papa, pergi sana!

Emak, bolehkah
saya bantu?

Ibu, jangan tidur!

Saya sayang
mama.

Senaraikan tutur kata yang sopan terhadap ibu dan bapa.

1

2

3

4

5

6

Nota Guru

• Guru membimbing murid berkomunikasi dengan interpersonal.

Hormati Guru



Tulis jawapan yang betul.

①

Kami mengucapkan,
ketika guru masuk ke dalam bilik darjah.

- "Selamat datang, cikgu."
- "Selamat pagi, cikgu."
- "Selamat malam, cikgu."

②

Ketika melihat guru membawa barangan yang banyak,
saya akan menghulurkan bantuan dengan berkata,

- "Cikgu, saya tidak mahu menolong."
- "Cikgu, bolehkah saya tolong?"
- "Cikgu, saya hendak balik."

③

Saya hendak pergi ke tandas dan perlu meminta kebenaran
guru dengan berkata,

- "Saya hendak pergi bermain."
- "Bolehkah saya pergi ke tandas?"
- "Saya hendak cepat."

④

Sebelum guru keluar dari bilik darjah, kamu mengucapkan,

- "Terima kasih, cikgu."
- "Selamat pagi, cikgu."
- "Saya hendak balik."